

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

16 SEPT 2016

JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	JOHOR HALAL PARK DIKAWAL CCTV	2
BERITA HARIAN	JOHOR HALAL PARK DILENGKAPI 34 CCTV TEKNOLOGI TINGGI	3



SINAR HARIAN

HUBUNGI SQUAD SENTRAL:
NORSHIKIN MOHD SALLEH - 019-7906796

Jumaat 16 September 2016 • Sinar Harian 37

 JOHOR BAHRU

Johor Halal Park dikawal CCTV

Kira-kira RM500,000 diperuntukkan bagi tujuan keselamatan menggunakan teknologi terkini Korea Selatan

■ SITI NOOR SEPEE

PASIR GUDANG - Johor Halal Park (JHP) memberi keutamaan terhadap aspek keselamatan dengan memasang sebanyak 34 kamera litar tertutup (CCTV) bagi keseluruhannya kawasan pembangunan fasa pertamanya dengan keluasan 20 hektar.

Ketua Pegawai Eksekutif JHP, Mohd Noor Abdul Salam berkata, kira-kira RM500,000 diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan berkenaan yang menggunakan teknologi terkini sebuah syarikat terkenalnya berpangkalan di Korea Selatan.

Menurutnya, CCTV keluaran Samsung itu juga mampu merakam imej dengan lebih jelas berkapasiti dua megapixel berupaya mengawasi kawasan JHP dalam tempoh 24 jam sekaligus membuktikan kawasan itu lengkap dengan ciri keselamatan yang canggih.

Bagi fasa pertama kita memasang sebanyak 34 CCTV yang meng-



Mohd Noor (tengah) memberikan taklimat kepada Jokhiri (dua, kiri) berkenaan pembangunan di kawasan JHP.

gunakan teknologi terkini keluaran Samsung dan ia akan ditambah bilangannya mengikut fasa dan dijangka akan

berterusan sehingga tahun 2020.

"Ciri keselamatan adalah aspek paling penting bertujuan menarik pe-

labur asing ke JHP termasuk syarikat dari rantau ini termasuk Singapura, Jepun, China, Korea dan Taiwan.


"Kita juga difahamkan CCTV itu juga berkemampuan merakam objek bergerak sejauh 150 hingga 200 meter selain mengesan nombor pendaftaran kenderaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Majlis Sua Kental bersama Ketua Polis Daerah Bandar Seri Alam, Superintendan Jokhiri Abdul Aziz di pejabat JHP, Seri Alam di sini semalam.

Dalam perkembangan berkaitan-pihaknya juga bercadang untuk menjalin kerjasama dengan pihak polis dengan menghubungkan CCTV ini secara terus ke bilik kawalan ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam bagi tujuan pemantauan.

Beliau berkata, sebuah pejabat khusus disediakan untuk kegunaan pihak polis di dalam kawasan JHP.

Sementara itu, Jokhiri turut menyokong penuh inisiatif dilakukan pihak JHP untuk meningkatkan tahap keselamatan di kawasan pelaburan itu.



BERITA HARIAN

S Jumaat, 16 September 2016 BH

I Johor Halal Park dilengkapi 34 CCTV teknologi tinggi

Kebolehupayaan kamera buatan Korea mampu pantau persekitaran jarak 150 meter

**Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhjb@bh.com.my**

Pasir Gudang

Projek Pembangunan Industri Bio-Halal Bersepadu, Johor Halal Park (JHP) yang dibangunkan secara strategik dekat sini, turut dilengkapi 34 sistem kamera litar tertutup (CCTV) bagi memperkuatkan aspek keselamatan di kawasan berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif UMLAND J-BioTech Park Sdn Bhd (UJP), Mohd Noor Abd Salam, berkata penggunaan CCTV berteknologi tinggi buatan Korea berkenaan penting kerana kebolehupayaan kamera berkenaan memantau persekitaran sehingga jarak 150 meter.

Kos pemasangan RM500,000

"Pemasangan CCTV berkenaan adalah antara inisiatif yang diutamakan pihak kami bagi meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan projek berkenaan yang dibangunkan di atas keluasan tanah 20.23 hektar.

"Sebanyak RM500,000 di peruntukkan bagi pemasangan CCTV berkenaan dan kita juga akan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi meningkatkan lagi keyakinan pelabur dari dalam dan luar negara," katanya pada sidang media selepas program sesi taklimat pembangunan JHP yang adakan di Pejabat JHP dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Jokhiri Abd Aziz.

Ciri keselamatan canggih yakinkan pelabur

Mohd Noor berkata, penekanan kepada aspek keselamatan di JHP antara perkara yang diberi tumpuan pihaknya bagi meyakinkan pelabur bahawa projek berkenaan turut memiliki ciri keselamatan canggih dan sistematik.

"JHP menjadi tumpuan pelabur dari dalam dan luar negara termasuk Singapura, Korea, Jepun dan China. Jadi, adalah penting bagi kawasan JHP ini dilengkapi sistem kawalan keselamatan yang canggih," katanya.

Mohd Noor (kanan) menunjukkan pelan lokasi pemasangan CCTV kepada Jokhiri selepas program sesi taklimat pembangunan JHP di Pasir Gudang, semalam.

[FOTONORAZIMAH NARUDIN/BH]

